# HARIAN METRO – ISNIN 22 MEI 2017



22-05-201

HARIAN METRO

# ADIWIRA ‘SERANG’ HOSPITAL

■ *Ceriakan kanak-kanak hidap sakit kronik di HKL*



*NUR Auni Batrisya ditemani ibunya, Nor Azwani (kiri) seronok menerima kunjungan adiwira.*

Fairul Asmaini Mohd Pilus
asmaini@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

“Dalam ramai-ramai kanak-kanak, Allah memilih Auni untuk diuji dan kami sekeluarga reda serta bersedia dengan sebarang kemungkinan kerana sudah dimaklumkan peluang untuk sembuh kali ini tipis iaitu hanya 20 peratus saja.

“Kami sama sekali tidak menyangka penyakit ini akan menyerang kembali selepas hampir dua tahun Auni ‘bebas’ dan menjalani kehidupan seperti kanak-kanak lain, namun takdir Allah tiada siapa yang dapat menghalangnya,” kata Nor Azwani Mohd Zakaria, 33.

Menurut Nor Azwani, anak keduanya, Nur Auni Batrisya Mohd Shahir, 7, didiagnos menghidap penyakit kanser darah (leukemia) jenis Pre B Acute lymphocytic leukemia (ALL) pada Februari 2015 dan kemudian menjalani rawatan intensif termasuk kemoterapi sehingga Oktober tahun yang sama.

Katanya, selepas itu perkembangan kesihatan Auni semakin baik dan hanya mengambil ubat tanpa perlu kerap ke hospital.

“Namun, baru empat bulan Auni memasuki darjah satu, dia mula kehilangan selera makan dan demam panas berpanjangan.

“Kami tidak menyangka ia disebabkan penyakit lamanya sehingga selepas ujian dilakukan oleh pihak hospital mengesahkan leukemia itu kembali aktif dan Auni kini dalam kategori berisiko tinggi.

“Meskipun hati gundah-gulana memikirkan kesihatannya, baik saya mahu pun suami tidak menzahirkan secara terbuka kerana apa yang penting, kami perlu kekal positif dan memastikan Auni sentiasa ceria serta gembira bagi menguatkan emosinya,” katanya ketika ditemui sempena kunjungan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Sri Penara Fasa A menerusi program Lawatan Warga Penyayang Jiran Wanita bersama sekumpulan adiwira daripada The Ultimate Cosplayers di wad kanak-kanak Hospital Kuala Lumpur (HKL), semalam.

Ternyata kehadiran anggota KRT bersama adiwira berkenaan menghiburkan pesakit kanak-kanak di wad terbabit dan masing-masing kelihatan teruja bergambar bersama mereka.

Bagi Mohd Faizal Ibrahim, kehadiran kumpulan adiwira itu sedikit sebanyak menghiburkan anaknya, Mohammad Ammar Rayyan, 8, yang dirawat di wad terbabit sejak November lalu kerana penyakit kanser tulang, Ewing Sarcoma.

Katanya, sebaik saja jururawat memaklumkan kedatangan kumpulan adiwira ke wad berkenaan, anaknya kelihatan begitu teruja dan berkali-kali berpesan supaya mereka datang melawatnya di katil.

“Ammar berpeluang bergambar bersama adiwira kegemarannya, Spiderman dan dia tidak sabar bercerita mengenai kunjungan itu kepada sepupunya yang akan melawat nanti.

“Sebagai bapa, saya berterima kasih kepada penganjur kerana kunjungan adiwira berkenaan sedikit sebanyak memberi keceriaan kepada pesakit kanak-kanak di wad ini,” katanya kepada Harian Metro.

Menurut Mohd Faizal, kanser yang dihidapi Ammar jarang ditemui dan anaknya itu sudah menjalani pembedahan membuang ketumbuhan di bahagian abdomen serta tulang rusuk pada Mac lalu.

Katanya, Ammar perlu menjalani baki dua lagi kitaran kemoterapi dan 22 sesi radioterapi bermula bulan depan.

“Hospital ini sudah menjadi rumah kedua kami kerana meskipun dibenarkan pulang ke rumah, saya tetap perlu membawa Ammar untuk rawatan susulan setiap hari di bahagian pakar.

“Jadi, dapat pulang ke rumah atau tidak sudah tiada bezanya dan jarak yang jauh antara Setia Alam (rumah) ke HKL bukanlah satu masalah kerana apa yang penting Ammar dapat kembali sembuh dan menjalani kehidupan seperti kanak-kanak lain,” katanya yang sering berdoa







supaya penyakit anaknya itu tidak akan kembali menyerang pada masa hadapan.

Sementara itu, keletah menghiburkan adiwira berkenaan turut menceriakan Fatin Nur Alisa Akilah Rizalman, 6, yang menghidap leukimia (serangan berulang).

Menurut ibunya, Senah Hassan, 41, biarpun kelihatan malu-malu anak bongsunya itu tidak putus-putus memberikan senyuman.

"Sejak dia sakit, jarang dia senyum lebar sebegini, namun hari ini, dia tampak begitu gembira kerana watak adiwira kegemaran, Spiderman muncul di depan mata.

"Kehadiran mereka (adiwira) melupakan seketika kesakitan yang anak alami dan kami (ibu bapa) berasa gembira kerana masyarakat tidak melupakan keadaan pesakit di sini," katanya.





*NURUL Fadliyana Natasha bergambar bersama watak adiwira.*

# 'Setiap hari doa sakit sembuh

**Kuala Lumpur:** "Setiap hari saya berdoa supaya Allah menyembuhkan penyakit dan saya dapat kembali ke sekolah untuk mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tidak lama lagi.

"Meskipun disahkan mengidap penyakit kanser saraf tahap empat, ia bukanlah halangan untuk saya belajar bersungguh-sungguh bagi menggapai cita-cita menjadi seorang pensyarah satu hari nanti," demikian harapan Nurul Fadliyana Natasha Ahmad Daud, 17.

Anak sulung daripada tiga beradik itu pelajar tingkatan lima Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) St Bernadette's Convent, Batu Gajah, Perak yang kini terpaksa bercuti selama enam bulan untuk rawatan penyakitnya.

**FAKTA**
*Bercuti enam bulan untuk rawatan penyakit kanser saraf*

Nurul Fadliyana disahkan mengidap kanser saraf (neuroblastoma) pada umur enam tahun dan pada 2007, menjalani pembedahan bagi membuang tumor di bahagian luar buah pinggang kirinya.

Selepas menjalani rawatan intensif termasuk 17 kali radioterapi, dia disahkan sihat dan meneruskan persekolahan seperti biasa.

Namun, selepas 11 tahun berlalu, pada Disember lalu doktor mengesahkan kanser berkenaan kembali menyerang (tahap empat) dan kini ia sudah merebak ke bahagian abdomen.

Ia menyebabkan Nurul Fadliyana terpaksa meninggalkan seketika persekolahan bagi menjalani rawatan di Hospital Kuala Lumpur (HKL).

Katanya, dia memang merindui saat-sa at gembira bersama rakan-rakan di se kolah namun apakan daya, tidak berpe luang menikmatinya tahun ini.

"Saya tetap berazam untuk mengamb peperiksaan SPM tahun ini dan tidak mah menundanya ke tahun depan meskipu tidak berpeluang mengikuti pembelajara tingkatan lima yang sempurna tahun ini.

"Untuk itu, setiap kali mempunyai ma terluang di rumah dan hospital saya aka mengulang kaji pelajaran yang tertingg dengan bantuan rakan sekelas gu ru sekolah.

"Mujurlah, mereka memaha mi dan banyak membantu ser memberi sokongan sepanjar saya berada di hospital," ka tanya ketika ditemui di HK semalam.

Menurut Nurul Fadliyana, ibu nya Sopiah Abdul Latif yang beker sebagai pembantu klinik, terpaksa me ngambil cuti tanpa rekod bagi menjagany sepanjang mendapatkan rawatan di HKL.

Katanya, dia menyanjungi pengorbana ibunya dan jika diberi peluang mahu mem balas semua jasa berkenaan.

"Saya sekeluarga sedar mengenai risik tinggi yang dihadapi jika penyakit itu ber ulang namun sebagai umat Islam, say perlu reda dan menerima ujian berkenaa dengan hati terbuka.

"Allah tidak akan membebankan se seorang hamba-Nya itu dengan apa yar tidak mampu ditanggung dan dalam hal ir saya mungkin terpilih untuk menjala ujianNya," katanya.



HARIAN METRO
TARIKH: 22/05/2017 (M.S. 17)

*MOHD Izman Danial beramah mesra dengan peraga kostum adiwira*